

Simposium galak usahawan mikro teroka pasaran e-Dagang



LUQMAN (dua dari kiri) bersama barisan ahli panel berkongsi pandangan dengan kira-kira 1,000 pengunjung pada Simposium Usahawan sempena MSAM 2018 di Stadium Batu Pahat semalam.

BATU PAHAT – Kira-kira 1,000 pengunjung yang terdiri dalam kalangan usahawan, ahli korporat dan pelajar universiti menghadiri Simposium Usahawan sempena Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2018 di sini semalam.

Simposium Usahawan tersebut mula dianjurkan Permodalan Nasional Bhd. (PNB) sejak MSAM 2007 dan tahun ini memasuki edisi ke-21 yang menggunakan tema Kepimpinan dan Keusahawanan: Yang Mana Satu Penentu Kelangsungan Perniagaan?

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Abdul Rahman Ahmad berkata, simposium tersebut meliputi tiga sesi iaitu ceramah perniagaan, forum dan perkongsian ikon usahawan Johor.

“Sehingga kini hampir 6,000 peserta telah menda-

pat manfaat daripada penganjuran forum tersebut.

“Menariknya, pada edisi kali ini, simposium usahawan mendapat kerjasama strategik daripada Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd. (EDF of Johor),” katanya semasa menyempurnakan majlis perasmian Simposium Usahawan MSAM 2018 di sini semalam.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Avana, Luqman Adris yang merupakan salah seorang panel dalam sesi Usahawan Muda Industri e-Dagang berkata, usahawan terutamanya golongan belia disarankan menggunakan platform e-Dagang bagi meningkatkan perniagaan termasuk menembusi pasaran baharu seiring perubahan era digital pada masa kini.